

BOLEHKAH NEGERI-NEGERI ISLAM KEKAL BERKECUALI?

William Banks mengetahui hal ehwal negeri-negeri di Timur Tengah, dari pengalamannya sendiri selama beberapa tahun dan telah menulis beberapa banyak makalah berkenaan dengan perkara-perkara siasah yang berkaitan dengan kawasan ini.

===== Oleh William Banks =====

Di dalam rencana ini William Banks memberi pandangannya:-

Baharu lepas dua tahun sahaja dari semenjak nahas

Basya bekas Perdana Menteri Mesir, telah bercakap panjang dengan Field-Marshal Sir William Ketua Agung Jemaah tentera British. Di dalam keadaan kedudukan dunia sekarang tempoh dua tahun itu adalah suatu masa yang panjang; dan banyak perkara telah berlaku semenjak dari dua orang ini telah bercakap-cakap meluahkan apa yang ada di dalam hati dan fikiran mereka itu.

Peri mereka telah kecewa dari memperoleh suatu persetujuan adalah telah terakam di dalam tawarikh dan bahawa sama ada Britain mahu pun Mesir telah tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya adalah menjadi riwayat juga apa-apa yang telah berlaku di antara masa itu, bagaimanapun telah menunjukkan bahawa asas-asas ketapakan sikap kedua-dua orang itu masih kekal bagi diperdamaian; manakala masalah yang telah dibincangkan itu – ugutan kecerobohan ketenteraan Soviet – telah menjadi lebih berat daripada biasa, kepada bangsa-bangsa Atlantik Utara dan dunia Islam juga.

Banyak orang di dalam negeri-negeri Islam sedang terlalu mengiktirad dasar-dasar kerajaan Nahas Basya itu. Akan tetapi atas perkara yang terbit yang telah memecahkan di antaranya dengan Sir William Slim itu, masih ada suatu asas yang sama di antara pemimpin Wafd dan pemimpin-pemimpin kaumnya, yang mereka itu pada lain-lain perkara tidak menyertai dengan fikirannya. Pusat bagi masalah ini ialah demikian: dengan memandang dasar Soviet itu adalah mencerooboh, bolehkah negeri-negeri

Islam amnya, lebih lagi, Mesir khususnya. Tinggal tetap berkecuali di dalam sebarang perang dunia yang harus berbangkit?

Nahas telah membentangkan masalahnya kepada Field-Marshal Slim dengan ringkas dan kelas “Saya berkehendak tuan mengetahui”, katanya “bahawa tidak ada kuasa di muka bumi ini yang boleh meyakinkan umat Mesir bahawa kecerobohan ke atas Mesir itu akan diarahkan tepat ke atas Mesir sendiri. Apa yang akan menyebabkan sesuatu serangan yang seumpama itu ialah wujudnya di dalam negeri kami tentera-tentera luar. Mereka itulah akan menjadi matlamat bagi serangan.”

Kepada fikiran Nahas Basya dan mereka yang berfikirannya dengannya, adalah maknanya sangat nyata: Keluarkan tentera-tentera luar, mengelak daripada tercebur di dalam kekusutan dengan bangsa-bangsa Atlantik Utara dan tidaklah mesti ada perkara yang menyentuh perasaan Rusia. “Mengapa kami mesti berdiri di sebelah kamu, menjadikan diri kami dibunuh, bumi kami dan kebolehan dan perolehan kami rosak binasa?” tanya Nahas.

Suatu soal yang menentukan yang berkehendak kepada suatu jawapan yang menentukan yang saya fikir, boleh diberi seperti ini: Tidakkah boleh jadi fikiran Nahas Basya – bahawa Rusia harus menyerang sesebuah negeri Islam disebabkan oleh perhubungan tenteranya dengan kuasa-kuasa Atlantik – itu silap? Umpamanya ada lain-lain sebab bagi serangan itu, yang sama sekali tidak ada kena mengena dengan perikatan-perikatan dengan Barat itu, tidakkah ada sebab-sebab bagi negara-negara Islam menyiasat semula kebanyakan fikiran mereka atas perkara-perkara antara bangsa-bangsa itu?

Di dalam tahun 1940, tatkala Molotov tengah memancing

sokongan Hitler kepada cita-cita Soviet ke atas “Selatan Batum dan Baku yang menuju ke arah Teluk Parsi amnya. Ketika itu tidak ada tentera-tentera luar di negeri Parsi manakala di dalam tahun 1946 Kremlin hampir berjaya meluaskan takluknya di Barat Daya Parsi. Hanya tentera-tentera luar yang ada di negeri Parsi, ialah tentera-tentera Soviet di Korea Selatan tidak ada tentera Barat tatkala Komunis menyerang atau pun di Romania begitu juga manakala kerajaan patung-patung Rusia telah didirikan di sana dengan paksa. Ataupun Chekoslovakia manakala Komunis dengan galakan tentera Soviet telah menghancurkan kuasa demokrasi di sana. Hanya mereka yang buta kepada hakikat-hakikat yang sebenar dan hanya percaya kepada apa yang mereka hendak percaya jua yang boleh menyokong fikiran berkecuali yang seumpama itu.

Negara-negara Islam boleh mengelak dari menjadi matlamat kepada sebarang serangan, sekiranya satu atau kedua-dua dari dua keadaan telah memuaskan hati, pertama hendaklah mereka berada di dalam kedudukan geografi, iktisad dan tentera yang begitu teguh bagi mewujudkan suatu kekuatan tentera bagi menjadi masalah yang besar kepada penceroboh dan ketika itu juga tidak mempunyai sebarang yang mengasut keinginannya. Di dalam peperangan jentera moden yang dikuatkan oleh senjata-senjata atom, ini tiada ada sebuah negeri Islam yang boleh dengan sendirinya, menjadi sebuah benteng yang kuat bagi menghadapi kesatuan Soviet itu. Lagi pula negeri-negeri Islam itu adalah terletak hampir dengan tidak berkecuali, sama ada di tengah-tengah atau di dalam lingkungan rancangan meluaskan jajahan Soviet. Akhirnya, mereka itu ada mempunyai rahmat dengan mempunyai hampir separuh dari simpanannya minyak dunia, yang itulah akan menjadi dorongan kepada serangan yang tepat oleh sebuah kuasa yang dahagakan minyak oleh yang demikian sangatlah nyata bahawa keadaan yang pertama dari keadaan-keadaan itu memandang kepada perkara hadapan yang boleh dinampak tidaklah boleh berlaku kepada mana-mana negeri Islam itu.

Apa hal keadaan yang kedua? Sesebuah kuasa besar penceroboh yang mempunyai cita-citanya yang telah sedia terhadap

sesebuah kuasa yang kecil atau sekumpulan kuasa-kuasa kecil harus akan terhalang daripada meneruskan rancangan-rancangannya dengan pengetahuan bahawa serangan itu akan bertemu dengan suatu kekuatan tentera yang terkumpul yang harus sebesar atau lebih besar daripada tenteranya sendiri. Inilah keadaan yang kuasa-kuasa Atlantik Utara itu hendak menghasilnya. Dengan keadaannya yang beberapa kali ganda lebih kuat daripada kumpulan negeri-negeri Islam itu adalah contoh kuasa-kuasa Atlantik Utara itu, patut benar diikuti dengan mustahaknya. Lagi pula, sekiranya bersatu pun, negeri-negeri Islam itu tidak boleh berharap akan mempunyai angkatan-angkatan tentera yang cukup kuat untuk mempertahankan kecerobohan Kremlin manakala dikehendaki hanya ada suatu jalan jua yang dengannya pemerintah-pemerintah negeri itu boleh mendapat selamat dari langgaran iaitu dengan menghargakan kedudukan dunia sekarang yang sebenar dan dengan memasuki, sebagai ahli yang sama taraf, di dalam kumpulan Atlantik Utara di dalam suatu kaedah pertahanan bersama, walaupun sekiranya, yang demikian ini berkehendak kepada segala kesusahan-kesusahan yang lalu yang sebenar atau pun sangka-sangka sahaja mesti dilupakan. Dengan melakukan demikian, ahli-ahli siasah Islam, akan menunjukkan suatu rasa tanggungjawab yang akan menggalakkan harapan bahawa setelah berpaling dari keadaan yang tiada dikehendaki itu mereka juga telah berkesedaran atas masalah-masalah masyarakat dan iktisad yang besar yang telah begitu lama jeraf sebagai suatu penyakit kepada bangsa-bangsa yang mereka perintah.



Bacalah buku-buku keluaran Qalam

Muhammad 4 penggal	sepenggal \$1.20
Baginda Ali Harimau Allah (Cetak yang kedua)	
2 penggal	sepenggal \$1.20
Abu Bakar (2 penggal)	sepenggal \$1.20
Aishah (2 penggal)	sepenggal \$1.00
Melalui Dua Simpang Jalan	\$0.70
Universiti Malaya	\$1.00

Kirimlah setem 5 sen kerana daftar buku-buku.